

08 OCT 2003

IQJ-R&D

PENERIMA HADIAH NOBEL ANTARA TETAMU PELANCARAN MAKMAL R&D BERTARAF
DUNIA

KUALA LUMPUR, 8 Okt (Bernama) -- Penerima hadiah nobel, saintis yang diiktiraf di peringkat dunia dan usahawan merupakan antara 1,000 tetamu yang dijemput ke pelancaran rasmi InventQjaya (IQJ) di Cyberjaya oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Sabtu ini.

IQJ, makmal R&D bertaraf dunia didirikan antara lain bertujuan menjadi pusat penyelidikan utama bagi teknologi termaju dengan menghasilkan pelbagai penciptaan dan paten.

Dalam satu kenyataan di sini hari ini, IQJ berkata ia juga menggalakkan saintis Malaysia yang bekerja di seberang laut untuk pulang dan menyertainya dalam usahanya mengubah rakyat Malaysia kepada pencipta ulung di samping mengekalkan nilai-nilai tempatan.

Usaha sama yang disokong oleh kerajaan dengan Reveo dari AS, makmal sains termaju berorientasikan penciptaan dibiayai terutamanya bagi membantu memastikan kejayaan Wawasan 2020 Malaysia.

IQJ merupakan perkembangan daripada makmal yang berkembang pesat yang dilancarkan oleh Dr Mahathir dan Reveo pada Januari tahun ini, yang bertujuan untuk menunjukkan kemampuan dan kredibiliti Reveo semasa pembinaan kemudahan tetapnya.

Pengerusi dan ketua pegawai eksekutif IQJ, Dr Sadeg Mustafa Faris berkata dengan menggunakan proses "InventQbation" revolusi Reveo, IQJ akan mencipta dan mengadakan inovasi industri baru global yang akan menjadi syarikat penting bagi ekonomi pengetahuan masa depan Malaysia.

Berpangkalan di Elmsford, New York, USA, Reveo mempunyai kakitangan penyelidikan yang berpengalaman dalam bidang-bidang teknologi nano, elektrokimia, mikroelektronik, bahan sains dan teknologi maklumat. --
BERNAMA

SAK KTC NHD